

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERASMIAN KONGRES PENDIDIKAN ISLAM KEBANGSAAN

Tempat: KOMPLEKS PUSAT ISLAM, JOHOR BHARU

TARIKH: 20 JAN 1995

MASA:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi, kerana dapat kita berhimpun di Majlis Kongres Pendidikan Islam Kebangsaan ini. Kongres ini besar maknanya kepada pembangunan negara memandangkan pendidikan Islam merupakan salah satu asas bagi membentuk umat Islam di Malaysia untuk menghadapi cabaran hidup di dunia moden dengan jayanya.

2. Kini kita sedang menghadapi satu gejala keruntuhan akhlak di kalangan sebahagian besar anak-anak remaja kita. Yang menyedihkan kita sebagai orang Islam ialah kebanyakan daripada muda-mudi yang terlibat dengan gejala-gejala penyalahgunaan dadah, lepak, bohsia dan kegiatan-kegiatan lain yang salah adalah daripada yang beragama Islam. Sudah tentu keruntuhan moral ini bukan kerana agama yang dianuti oleh mereka. Agama Islam sepatutnya menjadi benteng yang boleh menyelamatkan anak-anak muda kita daripada terjerumus ke dalam angkara-angka ini. Tetapi hakikat yang nyata tidak boleh kita nafikan. Anak-anak muda Islam lebih lemah moral mereka daripada anak-anak muda bukan Islam.

3. Justeru itu, kita harus mencari dan mengenalpasti sebab-sebabnya ini berlaku. Kita harus mengkaji kenapa agama Islam tidak menjadi benteng yang diharapkan.

4. Kajian yang cetek sekalipun akan menunjuk bahawa anak muda kita tidak berpegang kuat, jauh sekali mengamal ajaran-ajaran Islam. Pengetahuan mereka mengenai ajaran Islam tidak mendalam. Iman mereka juga lemah. Demikianlah terpisahnya mereka daripada ajaran Islam sehingga mereka tidak sedikit pun berasa segan silu dengan kejahilan mereka.

5. Tidak dapat tidak, kelemahan pengetahuan mereka dan sikap mereka mempunyai kaitan dengan penyampaian apa yang ditafsir sebagai ajaran agama kepada mereka. Mungkin terdapat kelemahan daripada segi tekanan atau 'emphasis' yang menyebabkan kurang berkesannya pengajaran Islam yang diadakan di sekolah-sekolah.

6. Sepertimana kita maklum didikan agama bermula di rumah oleh ibu bapa. Tetapi jika ibu bapa sendiri kurang pengetahuan dan mereka tidak faham akan cara-cara menyampaikan didikan agama, mustahil peranan mereka berkesan. Lagipun adat resam berkeluarga sekarang berbeza daripada dahulu kala, di mana anak begitu takut dan taat kepada ibu bapa. Pendedahan kepada cara hidup asing sekarang menyebabkan sukar bagi ibu bapa untuk menanam sikap gerun ini di kalangan anak-anak mereka. Anak-anak muda lebih bebas dan lebih cerdik daripada zaman ibu bapa mereka

membesar.

7. Jika ibu bapa diharap memainkan peranan yang berkesan maka mereka sendiri harus dilatih sebelum mereka berumahtangga. Dalam menasihati pasangan yang ingin mendirikan rumahtangga, tekanan yang diberikan sekarang bukanlah mengenai soal 'parenting skills' atau soal tanggungjawab ibu bapa tetapi lebih tertumpu kepada soal nikah-kahwin, hak suami dan hak isteri. Ada pendapat yang menekankan bahawa isteri mestilah melayan suami dalam segala-galanya tanpa menekan mustahaknya suami melayan isteri. Soal didikan anak-anak tidak mendapat banyak perhatian. Jika adapun tekanan hanyalah kepada perkara-perkara ibadat seperti sembahyang, puasa dan membaca al-Quran dalam Bahasa Arab yang dipercayai boleh menentukan keIslaman anak.

8. Pengajaran agama Islam di sekolah diberi masa yang kian bertambah. Namun kesan pengajaran daripada segi mencegah kegiatan yang tidak diinginkan tidak begitu terlihat. Justeru itu, isi kandungan didikan agama perlu diberi perhatian, dikaji dan dianalisa sedalam-dalamnya bukan sahaja oleh pakar-pakar agama tetapi juga oleh ahli-ahli pedagogi dan ahli-ahli psikologi, lebih tepat lagi ahli-ahli psikologi kanak-kanak.

9. Setakat yang diketahui di mana-mana sahaja, tumpuan ajaran agama ialah kepada ibadat-ibadat tertentu dengan tekanan kepada pahala, dosa, syurga dan sebagainya. Adalah dipercayai bahawa dengan cara ini orang Islam, terutamanya kanak-kanak dan anak muda, akan berasa takut melakukan dosa dan ingin mendapat ganjaran daripada pahala sehingga mereka akan patuh kepada ajaran Islam.

10. Bagi yang kuat iman, memanglah benar mereka akan takut berbuat dosa. Tetapi jika pengajaran Islam tidak begitu berkesan, iman akan lemah dan perasaan takut tidak dirasai. Kerana tidak takut, ajaran Islam tidak dihiraukan dan perbuatan yang dilarang dilakukan. Penentuan supaya ajaran agama lebih berkesan adalah perlu sebelum kita dapat membentuk manusia yang takut membuat dosa.

11. Kepercayaan dan keyakinan kepada ajaran Islam tidak harus bergantung hanya kepada perasaan takut. Islam sebagai agama yang terbaik hendaklah diterima kerana kebaikannya, bukan sahaja untuk akhirat tetapi juga untuk dunia. Sebagai contoh, larangan terhadap arak bukan sahaja kerana dosa tetapi kerana arak akan menghilangkan maruah dan kehormatan seseorang, melemahkannya, menyebabkannya tidak mampu berjaya, menjadikannya miskin dan merana, menderita, melumpuhkan moral, mungkin menyebabkan ia melakukan jenayah dan seterusnya memendekkan umur dan membawa penyakit yang dahsyat seperti sakit jantung, sakit hati dan bermacam lagi jenis penyakit yang membawa maut. Bagi mereka yang kurang kuat iman, balasan di akhirat bagi yang suka minum arak psukar digambar kan. Tetapi kesan meminum arak semasa hidup di dunia lebih mudah dijelas dan digambarkan.

12. Demikian jugalah dengan kegiatan-kegiatan lain yang tidak diinginkan seperti penyalahgunaan dadah, mengadakan hubungan seks di luar nikah dan melepak sepanjang masa.

13. Sebenarnya larangan terhadap minum arak adalah kerana antara lain orang yang mabuk tidak dapat menunaikan

sembahyang dengan sempurna. Ini adalah bukti bahawa bukan sahaja dosa yang ditekankan tetapi juga kesan minum arak terhadap ibadat.

14. Semua ibadat yang wajib boleh menolong mencegah gejala yang buruk yang melanda muda-mudi Islam. Tetapi tekanan diberi hanya kepada fardu ain dan tidak kepada fardu kifayah, seolah-olah fardu kifayah adalah tanggungan orang lain. Siapakah orang lain ini? Jika kita semua mengharap orang lain dan kita semua adalah orang lain kepada orang lain ini, dan mereka mengharap kita menunaikan fardu kifayah sementara kita mengharap mereka, maka akhirnya tidak akan ada sesiapa dalam masyarakat Islam yang menunaikan fardu kifayah. Sekali lagi bukan sahaja kita akan berdosa tetapi segala urusan yang diperlukan dalam masyarakat Islam tidak akan dilakukan. Dan ini sudah tentu akan menjadikan masyarakat Islam lemah dan tidak sempurna. Sementara fardu ain tidak boleh diabaikan, fardu kifayah juga perlu ditekankan untuk menentukan supaya benteng Islam cukup kuat untuk mencegah perbuatan yang tidak diinginkan.

15. Di sini maksud ibadat patutlah dijelaskan dengan terang. Suatu hadis telah diriwayatkan berkenaan dengan seorang yang berada di masjid sepanjang hari dan sepanjang malam untuk bersembahyang dan beribadat. Rasulullah s.a.w. telah bertanya kepada orang itu siapakah yang membekalkan makanan baginya. Beliau menjawab bahawa ada anggota keluarganya yang menghantar makanannya pada setiap hari. Maka Rasulullah s.a.w. telah bersabda bahawa orang yang membekalkan makanan itulah yang mendapat pahala. Jika kita fikir akan hadis ini maka tentunyalah kita akan menganggap bahawa ibadat yang mendatangkan pahala tidak terhad kepada amalan ibadat tertentu sahaja. Jika pembekal makanan ini mendapat pahala, tentulah petani yang bercucuk tanam atau menternak binatang juga mendapat pahala. Tentulah penenun kain dan penanam kapas untuk membuat pakaian orang yang bersembahyang juga mendapat pahala.

16. Pendek kata setiap usaha dan setiap kerja yang membekalkan keperluan hidup, setiap peniaga dan pekerja yang bekerja untuk menjaya dan memajukan masyarakat supaya mereka dapat hidup sebagai orang Islam yang berjaya dan bahagia, semuanya membuat ibadat dan mendapat pahala juga. Jika pada masa yang sama mereka menunaikan ibadat tertentu yang diberi tumpuan oleh masyarakat Islam, maka tentulah pahala mereka bertambah. Sebaliknya jika semua orang Islam memilih untuk membuat ibadat hanya untuk dirinya sahaja, maka mereka tentu akan merana kerana tidak ada wang, tidak ada makanan, tidak ada pakaian, tidak ada rumahtangga, tidak ada pemerintahan, polis dan tentera yang semuanya perlu untuk kesempurnaan hidup.

17. Tetapi masyarakat Islam sekarang masih memberi gambaran bahawa selain ibadat-ibadat yang disebutkan, kerja-kerja lain tidak dihargai oleh Islam dan mungkin bertentangan dengan ajaran Islam. Dengan itu agama Islam tidak menarik kerana dianggap terlalu sempit oleh anak muda. Mereka tidak mendapat apa-apa pahala jika menjalankan tugas mereka. Tidak perlulah mereka berusaha untuk memperbaiki pencapaian mereka. Dan tidak perlulah mereka mengelak daripada yang dilarang kerana mereka sudah "seluk pekasam".

18. Memang menjadi naluri manusia, terutama di masa muda, untuk mengejar keseronokan. Tetapi ada pihak yang menganggap keseronokan sebagai tidak diinginkan oleh agama Islam. Orang Islam harus seronok dengan membuat amal ibadat sahaja.

19. Sekali lagi ajaran ini menekan jiwa anak muda. Mereka berasa agama dan amalannya terlalu berat untuk dipikul. Mereka rasa terkongkong dan muram. Yang menerima ajaran Islam merasai marah kepada orang lain yang tidak hirau larangan agama. Yang lain menolak ajaran agama dan tidak lagi merasa terhalang oleh agama apabila mengikut nafsu.

20. Sebaliknya keseronokan boleh disalur kepada kegiatan yang sihat. Bersukan, bersyair, menyanyi secara sopan, mempelajari dan memainkan alat muzik, menulis dan membaca, mendaki gunung dan seribu satu aktiviti lagi boleh memenuhi masa dan menyeronokkan hati anak muda dengan tidak menjejaskan pegangan mereka kepada agama atau menyebabkan mereka terjerumus ke dalam kegiatan yang tidak bermoral.

21. Tokoh-tokoh agama sepatutnya menyokong kuat, bahkan memainkan peranan yang aktif dalam menjayakan program Rakan Muda. Buktikan bahawa agama Islam adalah mudah, bukannya satu beban, dan ianya sesuai dengan iklim dan zaman, maka dengan sendirinya generasi muda dan pelajar akan mendekati diri mereka dengan agama. Dibantu oleh kepercayaan dan iman mereka, maka usaha menyekat keruntuhan akhlak di kalangan anak muda akan lebih cepat berjaya.

22. Semua ini boleh dilakukan di sekolah. Tetapi sudah tentu tekanan di sekolah adalah untuk penerapan ilmu, iaitu pelajaran. Tidak ada agama yang lebih menekankan pelajaran daripada agama Islam. "Iqra" "baca" adalah perkataan pertama dalam ayat pertama yang diwahyukan kepada Rasulullah s.a.w. Kemudian daripada itu banyak ayat dalam al-Quran yang menyuruh umat Islam melihat segala-gala yang dicipta oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala. Jika kita disuruh melihat tentulah ia tidak terhad kepada melihat sahaja. Manusia adalah makhluk yang berfikir. Tidak dapat tidak, sesuatu akan dipelajari dengan melihat. Jika kita berpegang bersungguh-sungguh kepada keutamaan yang diberikan oleh agama Islam kepada pelajaran, maka pelajaran yang dibuat akan meliputi kajian secara mendalam, secara saintifik dan berilmiah.

23. Jika pandangan ini ditekankan sebagai sesuatu yang bukan sahaja secocok dengan Islam tetapi sebagai suruhan agama maka penuntut-penuntut Islam, terutama yang kuat imannya, tetap akan mengejar pelajaran dengan bersungguh-sungguh. Sebaliknya kita dapati penuntut-penuntut Islam tidak begitu berminat dengan pelajaran selain daripada pelajaran agama. Mereka yang tidak berminat dengan agama akan terus tidak mempelajari apa-apa secara serius dan sebaliknya mereka akan mengejar kelapangan dan keseronokan sehingga terlibat dengan kegiatan yang memalukan masyarakat Islam.

24. Perkara-perkara yang saya sebutkan ini mungkin dianggap sebagai pandangan seorang yang tidak arif dalam bidang pendidikan. Tetapi saya yakin bahawa jika pandangan yang lebih luas diberikan kepada skop pelajaran agama dan tafsiran yang tidak kurang tepat tentang apa yang dituntut

oleh agama, kita akan dapat menarik minat anak-anak muda kepada pelajaran agama dan membentuk sifat-sifat yang akan membolehkan mereka dengan sendirinya menolak kelakuan yang tidak bersopan di samping menjadikan mereka umat yang lebih berilmu dan terpelajar.

25. Pendidikan Islam amatlah luas. Ia tidak terhad kepada mempelajari ibadat dan hukum-hakam tertentu sahaja. Ia meliputi panduan hidup dalam semua aspek, panduan untuk menjadikan Islam sebagai Ad-din. Kemajuan negara dan umat yang boleh menentukan kesejahteraan hidup memerlukan penguasaan secara mendalam berbagai-bagai ilmu termasuk ilmu hisab, sains, teknologi dan ilmu-ilmu yang lain yang ditakrifkan sebagai ilmu duniawi -- semua ini tidak boleh ditinggalkan jika kita inginkan umat Islam menerima Islam sebagai Ad-din, atau cara hidup, 'a way of life', yang kita dakwa dengan bangganya.

26. Apakah kita boleh mentakrifkan nasib malang dan kehinaan yang dialami oleh umat Islam sebagai Ad-din? Apakah Ad-din bermakna orang Islam diserang, dibunuh, dirogol dan dihalau dari negara mereka seperti yang berlaku di Bosnia-Herzegovina atau di Chechnya atau di Palestin? Apakah Ad-din bermakna negara-negara Islam dikepong sehingga umat Islam kebuluran, sehingga mereka tidak bermaya dan terpaksa tunduk kepada penyiksa mereka, seperti di Iraq dan Libya? Apakah Ad-din bermakna umat Islam dipaksa menjaga kandang babi dan memakan babi dan menolak agama Islam itu sendiri seperti yang terjadi di Kemboja? Apakah Ad-din bermakna umat Islam harus melihat orang Islam yang disiksa ini dengan mata putih kerana tidak dapat membuat apa-apa pun, kerana lemah dalam segala-galanya, kerana diperalat dan dipermainkan oleh musuh Islam?

27. Tidakkah semua ini berlaku kerana kita kekurangan ilmu pengetahuan yang diperlukan untuk melengkapkan kita dengan segala alat senjata pertahanan, yang diperlukan untuk memasuki dan berlumba dalam bidang industri dan penyelidikan, kajian ilmu dan lain-lain lagi yang boleh menguatkan kita. Tidakkah kelemahan kita disebabkan oleh kekurangan pengetahuan dibidang pentadbiran dan pembangunan negara, dibidang pengurusan harta kekayaan diri dan negara? Tidakkah kita lihat bagaimana negara Islam yang dikurniakan kekayaan yang tidak terhingga tetapi masih miskin, lemah dan dikongkong oleh orang asing?

28. Segala-galanya disebabkan oleh pendidikan yang terhad dan sempit, pendidikan yang tertumpu kepada kepentingan diri di akhirat, yang tidak mengambilkira Ad-din di dunia, yang tidak menekan fardu kifayah, yang mentafsir fardu kifayah secara yang terhad dan sempit.

29. Agama tidak boleh disalahkan. Islam tidak salah dan tidak boleh disalahkan. Yang salah ialah umat Islam yang menghadkan pendidikan kepada perkara-perkara yang terhad.

30. Saya harap Kongres ini dapat membincang dan menganalisa Pendidikan Islam bukan sahaja berkenaan fardu ain dan hukum-hakam, tetapi juga secara menyeluruh untuk mengenalpasti di mana duduknya kesalahan ummah sehingga kita tidak lagi menjadi umat yang cemerlang dan sempurna, bahkan telah menjadi umat manusia yang malang se kali walaupun dikurniakan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala dengan kekayaan

dan kesempatan yang begitu besar.

31. Akhirnya dengan lafaz "Bismillahirrahmanirrahim" saya dengan sukacitanya merasmikan Kongres Pendidikan Islam Kebangsaan ini.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.